

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Terus benih awan	Harian Metro
2.	Kementerian sedia lakukan operasi pembenihan awan	KOSMO
3.	Pembenihan awan di negeri alami kemarau	Berita Harian
4.	Pembenihan awan : Tak perlu permohonan	Sinar Harian
5.	Weatherman : It's not as hot as last year	The Star
6.	Cuaca panas hingga minggu depan	Harian Metro
7.	It's just so hot	The Malay Mail

Terus benih awan

■ Tidak perlu tunggu permohonan kerajaan negeri

Oleh Nur Ain Musdad
am@hmetro.com.my
Melaka

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) tidak mempunyai halangan untuk melakukan pembenihan awan di mana-mana negeri yang terjejas dengan kemarau tanpa perlu menunggu permohonan daripada kerajaan negeri.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, kaedah itu adalah pembaharuan yang dilaksanakan kementeriannya bertujuan



ABU Bakar

memudahkan kerja pembenihan awan.

"MOSTI tidak mempu-

nyai halangan untuk melaksanakan pembenihan awan kerana mempunyai kewangan yang cukup untuk menampung kos diperlukan.

"Malah, kami juga mempunyai Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang membantu memantau keadaan cuaca di setiap negeri dan jika berpendapat pembenihan awan perlu dibuat, maka ia akan segera dilakukan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) di Wisma Negeri, Ayer Keroh, di sini semalam.

Abu Bakar berkata, berbanding tahun lalu setiap negeri perlu memohon terlebih dulu kepada MOSTI untuk melakukan pembenihan awan namun pada tahun ini ia tidak perlu lagi.

"Kami akan melakukan pembenihan awan sekiranya keadaan memerlukan dan perlu mengambil kira kewujudan awan jenis Towering Cumulus dan peratusan potensi hujan perlu mencapai 75 peratus.

"Ketika ini, ia (pembenihan awan) masih tidak dilakukan kerana keadaan masih terkawal," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (CUACA PANAS KERING MELANDA NEGARA) :
MUKA SURAT 14
TARIKH : 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

Kementerian sedia lakukan operasi pembenihan awan

MELAKA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bersedia untuk melaksanakan operasi pembenihan awan bagi menghasilkan hujan berikutan cuaca panas dan kering yang melanda negara ketika ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar

Mohamad Diah (gambar kecil) berkata, Jabatan Meteorologi sedang memantau keadaan cuaca dan awan dari semasa ke semasa bagi menentukan kesesuaian masa untuk melakukan operasi tersebut.



"Jabatan Meteorologi mempunyai data lengkap dan sistem ramalan yang dapat menentukan cuaca selain mempunyai rekod kawasan yang akan hujan atau tidak bagi melaksanakan pembenihan awan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah daerah Melaka Tengah di Wisma Negeri Ayer Keroh di sini semalam.

Menurut Abu Bakar, pemben-

tukan awan yang mempunyai kandungan wap air melebihi 75 peratus diperlukan untuk mempercepatkan proses penurunan hujan melalui pembenihan awan.

"Operasi ini dilakukan dengan cara menyemburkan air garam pada awan tersebut bagi menambah isi padu air dan apabila kandungan di dalamnya sudah bertambah, awan akan menjadi berat dan menurunkan hujan.

"Kita percaya 90 peratus daripada operasi pembenihan awan yang dijalankan sebelum ini dilihat berjaya menurunkan hujan selepas dua jam," ujarnya.



OPERASI pembenihan awan penting dilakukan pada musim panas untuk menghasilkan hujan. - Gambar hiasan

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

Pembenihan awan di negeri alami kemarau

Ayer Keroh: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan terus melakukan pembenihan awan di negeri yang mengalami kemarau tanpa perlu menunggu permohonan daripada kerajaan negeri berkenaan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Md Diah, berkata kerajaan negeri tidak perlu lagi memohon kepada kementerian untuk melakukan pembenihan awan sebagaimana amalan sebelum ini.

"Pembaharuan ini, antara lain bertujuan memudahkan lagi kerja pembenihan awan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Daerah Melaka Tengah di Wisma Negeri di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan memantau cuaca di setiap negeri dan jika berpendapat pembenihan awan perlu dilakukan, ia akan segera dilaksanakan.

"Cuma ketika ini, ia (pembenihan awan) masih belum dilakukan kerana keadaan yang dianggap masih terkawal dan tidak sampai ke peringkat teruk," katanya.

Beliau berkata, pembenihan awan akan dilakukan jika ada awan kumulus dan peluang untuk hujan lebih daripada 75 peratus.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

Pembenihan awan: Tak perlu permohonan

AYER KEROH - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) bersedia melakukan pembenihan awan di seluruh negara yang terjejas dengan kemarau tanpa perlu menunggu permohonan daripada kerajaan negeri.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, kaedah itu adalah pembaharuan yang dilaksanakan kementeriannya bertujuan memudahkan lagi kerja-kerja pembenihan awan.

Menurut Dr Abu Bakar, pendekatan tersebut berbeza berbanding tahun lalu apabila setiap negeri perlu memohon kepada Mosti terlebih dahulu untuk pembenihan awan.

"Pada tahun ini, ia tidak perlu lagi dilakukan malah MetMalaysia (Jabatan Meteorologi Malaysia) akan memantau keadaan cuaca di setiap negeri dan jika berpendapat pembenihan awan perlu dilakukan, maka ia akan segera dilaksanakan.

"Cuma ketika ini, pembenihan awan masih tidak dilakukan kerana keadaan dianggap terkawal dan tidak sampai ke peringkat yang teruk," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah daerah Melaka Tengah di Wisma Negeri di sini, semalam.

Abu Bakar berkata, ia hanya akan dilakukan jika terdapat awan kumulus dan peluang hujan lebih 75 peratus.

Katanya, mengambil pengajaran daripada tahun lalu, Mosti mempunyai peruntukan yang cukup tahun ini untuk melakukan pembenihan awan.

"Ketika ini, peruntukan yang kita ada mencukupi untuk semua negeri dan jika mahu melakukannya setiap hari pun boleh. Kita juga menjangkakan proses ini akan dijalankan sama ada bermula awal atau pertengahan bulan depan bergantung kepada keadaan cuaca ketika itu," katanya.

Weatherman: It's not as hot as last year

PETALING JAYA: Although Malaysians are feeling it, this year's hot spell is still not as bad as 2014, nor will it achieve the record high of 40.1°C seen in 1998.

Malaysian Meteorological Department (weather and climate) deputy director-general Alui Bahari said Malaysians could expect temperatures of 36°C to 38°C from March until the first week of April.

"The north-east monsoon period will last until early April. Then, we will have more rain, particularly over the west coast states," said Alui.

The hot weather is also leading Malaysians to take various measures to cool off.

Loo Wen Khai, a manager at Herbs N Food Sdn Bhd, a chain store that sells Chinese traditional medicine, said that purchases of herbs meant to cool the body had increased by 20% recently.

"Many of our customers have been complaining that the heat is making them feel lethargic," he said.

Chang Pei Uiu, a dietician at Eu Yan Sang, said the number of customers had been the same, but warned that herbal teas should only be taken when significant symptoms are noticed.

Utama advertising and promotions general manager Patrick So said the mall was expecting an influx of people, whether to shop, dine, or just to chill out, in the coming months due to the hot weather.

"During this period, we will lower the temperature of our air conditioning to accommodate the large number of patrons," he said.

I-Bhd information manager Tang Soke Cheng said that i-City had also experienced an increase in visitors by about 10%.

"Many visitors are attracted to the SnoWalk area as it is an ideal place to chill in hot weather," she said.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

Cuaca panas hingga minggu depan

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) menjangkakan fenomena cuaca panas dan kering di kebanyakan kawasan di pantai barat Semenanjung Malaysia masih seperti hari-hari sebelumnya, malah akan berterusan hingga minggu depan.

Pegawai Bahagian Operasi JMM, Azlai Taat berkata, kawasan terbabit akan mengalami hujan kadar sedikit seperti yang berlaku kebela-kangan ini.

"Secara umumnya, kawasan khususnya di bahagian pantai barat akan mengalami kurang hujan, namun bukan dalam tempoh lama. Hujan akan turun, tetapi mungkin selang beberapa hari baru ia akan turun semula.

"Jika dibuat perbandingan,

ia masih belum seburuk apa yang berlaku pada negara ini, tahun lalu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada Februari tahun lalu, seramai 6.7 juta penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya berdepan catuan bekalan air selama lebih dua bulan secara berperingkat ekoran beberapa empangan utama mengalami penyusutan mendadak.

Sebelum ini, JMM menjangkakan beberapa negeri termasuk Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka kurang menerima hujan sehingga penghujung bulan depan yang menyebabkan berlakunya cuaca panas dan kering.

Secara kebiasaannya, fenomena cuaca panas dan kering berlaku setiap awal tahun sehingga akhir Mac.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)



It's just so hot

STUDENTS from SMK Taman Seraya, Cheras use umbrellas as they leave their school compound yesterday with the temperature nationwide between 33 and 35 degrees Celsius. Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail says the hot and dry spell is expected to last till the end of next month. — Picture by Bernama